



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota kepada penyata kewangan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan mengikut Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

1. Tanah Pegangan Pajakan

Terdapat 2 lot tanah yang telah diterima oleh Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dalam tahun kewangan 2020 bernilai RM1,480,000 melalui urus niaga bukan pertukaran. Namun, pihak Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah mengkreditkan nilai pendapatan bukan pertukaran ke akaun keuntungan terkumpul dan bukannya ke akaun pendapatan operasi. Ini menyebabkan pendapatan bagi tahun kewangan semasa terkurang nyata dan akaun keuntungan terkumpul terlebih nyata sebanyak RM1,480,000.

2. Rizab Penilaian Semula

Termasuk di dalam rizab penilaian semula tahun semasa adalah penilaian bongkah emas dan perak yang dibuat pada tahun 2013 berjumlah RM640,818. Pada tahun 2016, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah menjual bongkah perak dan jumlah ini bagaimanapun masih tidak dikeluarkan menyebabkan rizab penilaian semula tahun semasa telah terlebih nyata berjumlah RM118,572.

Pada tahun 2016, bongkah emas bernilai RM522,256 telah dicairkan dan dijadikan sebagai *Golden Chariot*. Semakan Audit mendapati, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak membuat susutnilai terhadap *Golden Chariot* menyebabkan susutnilai terkumpul telah terkurang nyata dari tahun 2016 hingga 2019 berjumlah RM41,780. Manakala, susut nilai tahun semasa berjumlah RM10,445 juga tidak dicajkan ke akaun rizab penilaian semula.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan mengikut Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17). Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesaan kawalan dalaman Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang;
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang;
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan berdasarkan

bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan

- e. Menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(MAZMIZA BINTI MIHAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KEPALA BATAS, PULAU PINANG
20 OKTOBER 2021

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

**LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)**

**LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

KANDUNGAN

MUKASURAT


PENYATA PENGERUSI DAN SETIAUSAHA	1
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN	2
LAPORAN AKAUNTAN	3
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	4
PENYATA PRESTASI KEWANGAN	5
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	6
PENYATA ALIRAN TUNAI	7
NOTA-NOTA KEPADA AKAUN	8 – 37

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENGERUSI DAN SETIAUSAHA

Kami, YB Prof Dr Ramasamy A/L Palanisamy dan Surentharan A/L Ramadas merupakan Pengerusi dan Setiausaha bagi Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pesuruhjaya - pesuruhjaya Lembaga, akaun-akaun di mukasurat 4 hingga 37 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan kumpulan pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



YB PROF DR RAMASAMY A/L PALANISAMY
PENGERUSI



SURENTHARAN A/L RAMADAS
SETIAUSAHA

Pulau Pinang,

Tarikh: **26 APR 2021**

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN**

Saya, Surentharan A/L Ramadas, Setiausaha dan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa akaun-akaun di mukasurat 4 hingga 37 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Pulau Pinang pada)
26 APR 2021)


SURENTHARAN A/L RAMADAS

Di hadapan saya,



NO. 97, LEBUH BISHOP
10200 PULAU PINANG

**LAPORAN AKAUNTAN KEPADA AHLI-AHLI
LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG**

Phone +60 4 210 0100
Fax +60 4 210 0101
Email uhy-pg@uhy-my.com
Web www.uhy.com.my

Kami telah menyediakan penyata kewangan **LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG** yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Lembaga bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan ke atas kepentingan polisi perakaunan dan lain-lain nota penjelasan, dibentangkan di muka surat 4 hingga 37.

Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab ahli jawatankuasa. Tanggungjawab ini adalah termasuk merencana, melaksana dan memelihara kawalan dalaman yang berkaitan dengan persempemahan penyata kewangan bebas dan risalah nyata ketara, sama ada penipuan atau kesalahan; memilih dan menggunakan polisi perakaunan yang bersetujuan; dan membuat penaksiran perakaunan yang munasabah dalam sesuatu keadaan.

Dalam penyediaan penyata kewangan, pihak ahli jawatankuasa adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan atas perakaunan usaha berterusan melainkan pihak pengurusan sama ada berniat untuk membubarkan Lembaga atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab kami seperti termaktub di dalam perjanjian adalah menyediakan penyata kewangan pada masa yang ditetapkan untuk kegunaan dan kebaikan pihak Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan ahli-ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

UHY TAC
Nombor Firma: AF002023
Akauntan Bertauliah

KHOO TENG JIN
Nombor Kelulusan: 3001/04/21(J)
Akauntan Bertauliah

Pulau Pinang.

26 APR 2021

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020

	NOTA	31.12.2020 RM	1.1.2020 RM
Aset			
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	3	57,987,458	56,863,735
Hartanah pelaburan	4	17,242,506	17,292,506
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>75,229,964</u>	<u>74,156,241</u>
Aset Semasa			
Pelbagai pengutang	5	86,771	111,316
Bayaran terdahulu dan wang cagaran	6	114,417	342,612
Tunai dan kesetaraan tunai	7	3,883,834	3,337,636
Jumlah Aset Semasa		<u>4,085,022</u>	<u>3,791,564</u>
Jumlah Aset		<u>79,314,986</u>	<u>77,947,805</u>
Ekuiti dan Liabiliti			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai pembiayaan	8	54,191	68,096
Perbelanjaan terakru dan cagaran diterima	9	229,553	168,827
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>283,744</u>	<u>236,923</u>
Ekuiti			
Tabung bangunan		1,392,766	1,392,766
Tabung kebajikan		-	2,000
Tabung kebajikan dan pelajaran		311,035	222,047
Rizab Am	10	194,337	194,337
Rizab penilaian semula	11	945,278	640,818
Keuntungan terkumpul	12	76,187,826	75,258,914
Jumlah Ekuiti		<u>79,031,242</u>	<u>77,710,882</u>
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		<u>79,314,986</u>	<u>77,947,805</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	NOTA	31.12.20 RM
Pendapatan operasi	13	4,547,927
Pendapatan operasi lain	14	661,322
Jumlah pendapatan		<u>5,209,249</u>
Tolak:		
Perbelanjaan pengurusan	15	273,779
Perbelanjaan operasi	16	3,977,295
Perbelanjaan pekerja	17	1,434,971
Jumlah perbelanjaan		<u>5,686,045</u>
Kurangan daripada operasi		(476,796)
Kos kewangan	18	(2,091)
KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM CARUMAN		(478,887)
Tolak:		
Caruman 20% fi pengurusan kepada Tabung Kebajikan & Pelajaran		<u>72,201</u>
KURANGAN PENDAPATAN SELEPAS CARUMAN		(551,088)

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

**PENYATA PERUBAHAN EKUTI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	Tabung Bangunan	Tabung Kebajikan	Kebajikan dan Pelajaran	Rizab am	Rizab penilaian semula	Keuntungan terkumpul (Nota 12)	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2020	1,392,766	2,000	222,047	194,337	640,818	75,258,914	77,710,882
Penerimaan semasa	-	-	515,647	-	-	-	515,647
Penggunaan semasa	-	(2,000)	(426,659)	-	-	-	(428,659)
Tambahan/(Kurangan) dalam tahun	-	-	-	-	304,460	(551,088)	(246,628)
Pengiktirafan hartanah, loji dan peralatan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan	-	-	-	-	-	1,480,000	1,480,000
Baki pada 31 Disember 2020	1,392,766	-	311,035	194,337	945,278	76,187,826	79,031,242

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	NOTA	31.12.2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kurangan pendapatan sebelum caruman		(551,088)
Pelarasan:		
Susutnilai- Hartanah, loji dan peralatan	3	1,013,167
Susutnilai- Hartanah pelaburan	4	50,000
Peruntukan hutang rugu	5	1,100
Penarikbalikan hutang rugu	5	(3,944)
Kerugian dari penjualan harta, loji dan peralatan		462,121
Kerugian dari hapus kira harta, loji dan peralatan		221,328
Pendapatan faedah		(70,747)
Lebihan kendalian sebelum perubahan modal kerja		1,121,937
Pengurangan pelbagai penghutang		27,389
Pengurangan bayaran terdahulu dan wang cagaran		228,195
Penambahan pelbagai pembiutang		(13,905)
Pengurangan perbelanjaan terakru dan cagaran diterima		60,726
Bantuan kewangan untuk kebajikan		(2,000)
Bantuan kewangan untuk kebajikan dan pelajaran		(426,659)
Penambahan dalam bantuan kewangan untuk kebajikan dan pelajaran		515,647
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi		1,511,330
Faedah diterima		70,747
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		1,582,077
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	3	(1,035,879)
Pelaburan simpanan tetap		(361,489)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(1,397,368)
TAMBAHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		184,709
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		1,410,729
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	6	1,595,438

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

1. AKTIVITI UTAMA

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (Lembaga) adalah Badan Berkanun Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan pada 1 Januari 1906 di bawah Ordinan Wakaf-wakaf Hindu (Ordinan 17), Tahun 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175, Tahun 1989. Tujuan utama penubuhan Lembaga adalah untuk mentadbir, menyelenggara dan menyelia Wakaf-wakaf Hindu yang telah pun diberi atau akan diberi untuk maksud keagamaan, kebaikan, khairat dan untuk memberi manfaat termasuk pelajaran.

Penyata kewangan disahkan dan diluluskan untuk diisu oleh ahli jawatankuasa Lembaga pada 26 April 2021.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas perakaunan

Akaun-akaun Lembaga telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan dan juga peruntukan Akta Berkanun, 1960 di Malaysia.

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan Mata Wang fungsian dan laporan Lembaga.

Lembaga telah memilih untuk tidak mengemukakan maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini kerana mengguna pakai perenggan 151 Peruntukan Peralihan dalam MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan yang menyatakan maklumat perbandingan tidak diperlukan bagi penyata kewangan yang menerima pakai asas perakaunan akruan buat pertama kalinya berdasarkan MPSAS. Peralihan Lembaga daripada MPERS kepada MPSAS dijelaskan pada Nota 22 kepada penyata kewangan.

Lembaga telah memilih untuk tidak mengemukakan maklumat bajet kerana bajet Lembaga tidak dikemukakan dan dilulus di awam.

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(a) Asas perakaunan...sambungan

Tabung Wakaf yang ditadbirkan dan diuruskan oleh Lembaga adalah seperti berikut:

Kuil-Kuil Waterfall
Kuil Sri Kunj Bihari
Kuil Sree Maha Mariamman Butterworth
Kuil Sri Ramar (dahulunya dikenali sebagai Kuil Ranee Dhoby Ghaut)
Kuil Sree Maha Mariamman Lebuh Queen Pulau Pinang
Akaun Lot 898 P.B.3
Kuil Sri Selva Vinayagar
Kuil Dewi Sree Veerapathra Maha Kali Amman
Kuil Dewi Sri Annai Thropathi Amman
Kuil Sri Sakthi Vinayagar
Dewan Sree Mariamman, Butterworth
Tanah Perkuburan Batu Lanchang
Tanah Perkuburan Jalan Siram, Butterworth

Sebelum November 2008, Lembaga hanya mengendalikan akaun berdasarkan Sistem Pengumpulan Pusat. Mengikut sistem ini, hanya satu (1) akaun bank utama (akaun pusat) sahaja yang dikendalikan dan diawasi oleh Lembaga. Lembaga akan menyalurkan peruntukan kepada kuil-kuil mengikut kepada keperluan.

Mulai November 2008, akaun bank berasingan dibuka untuk setiap kuil yang dikendalikan dan diawasi oleh Lembaga. Dengan ini wang tabung yang diterima dari setiap kuil diasingkan dalam akaun bank masing-masing.

(b) Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

(i) Perubahan anggaran

Anggaran adalah dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

Para ahli jawatankuasa berpendapat bahawa tiada perubahan ketara dalam anggaran pada akhir tempoh laporan.

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(b) Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting...sambungan

(ii) Pertimbangan kritikal dalam menggunakan polisi perakaunaan

Tidak ada pertimbangan kritikal yang ketara dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(iii) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Lembaga membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangkaan dan aset luar jangkaan. Meskipun andaian dan pertimbangan dibuat berdasarkan pengetahuan Lembaga tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berlainan. Penggunaan penilaian dan anggaran yang paling penting adalah seperti berikut:

(a) Penilaian emas yang termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan (Nota 3)

Pengukuran nilai saksama bagi emas diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran harga urus niaga untuk emas yang sama dan dilakukan oleh penilai bebas dan 25% diskaun akan dikenakan ke atas harga yang diperolehi.

(c) Hartanah, loji dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan terdapat emas dari penganut-penganut. Emas tersebut diiktirafkan pada tahun semasa dan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.

Hanya harta, loji dan peralatan berharga RM500 dan ke atas setiap unit dipermodalkan.

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(c) Hartanah, loji dan peralatan...sambungan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran...sambungan

Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset dan sebarang kos lain yang secara langsung untuk membawa aset kepada keadaan bekerja untuk kegunaan yang dimaksudkan, dan kos merungkai dan mengalih barang dan menggunakan tapak di mana mereka berada. Kos aset yang dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan buruh langsung. Kos juga termasuk pengangkutan dari ekuiti sebarang keuntungan atau kerugian atas lindung nilai yang layak pembelian mata wang asing hartaanah, loji dan peralatan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu hartaanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan amaun dibawa bagi hartaanah, loji dan peralatan dan diiktiraf bersih dalam "pendapatan lain" atau "perbelanjaan operasi lain" dalam keuntungan atau kerugian.

Lembaga menilai semula emas yang diberi dari penganut - penganut setiap tahun apabila nilai saksama aset dinilai semula dijangka akan berbeza secara material daripada nilai buku.

Nilai saksama emas ditentukan pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pendapat Jurunilai bebas yang berkelayakan atau nilai yang dipaparkan di laman web dan 25% diskaun akan dikenakan atas nilai yang dinilaikan.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula diuruskan dalam akaun rizab penilaian semula. Sebarang defisit yang timbul akan diambil kira dalam rizab penilaian semula setakat peningkatan sebelumnya bagi aset yang sama. Dalam semua kes-kes lain, penurunan dalam jumlah yang dibawa dicaj kepada penyata pendapatan.

(ii) Kos berikutnya

Kos menggantikan komponen sesuatu hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amaun dibawa item tersebut jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam komponen tersebut akan mengalir kepada Lembaga, dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bagi komponen yang diganti tidak diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan hari ke hari hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(c) Hartanah, loji dan peralatan...sambungan

(iii) Susut nilai

Tanah pegangan bebas dan kerja dalam proses tidak dikenakan susut nilai.

Susut nilai adalah berdasarkan kepada kos aset ditolak nilai baki. Komponen penting aset individu dinilai, dan jika komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset itu, maka komponen tersebut di susut nilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan setiap komponen sesuatu hartaanah, loji dan peralatan dari tarikh ia sedia untuk digunakan. Aset pajakan di susut nilai lebih pendek antara tempoh pajakan dan hayat kegunaannya melainkan ia adalah kepastian yang munasabah bahawa Lembaga akan mendapat hak milik pada akhir tempoh pajakan. Anggaran hayat kegunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

Kadar susut nilai tahunan yang utama adalah:

Tanah Pegangan Pajak	33 - 99 tahun
Bangunan	2% - 3%
Ubahsuai kuil/Bangunan	2%
Emas dan perhiasan	0% - 20%
Pedati emas	2%
Alat kelengkapan	10%
Loji	10%
Kuil - kuil	2%
Kenderaan bermotor	20%

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(d) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah pegangan kekal dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh Lembaga.

Hartanah pelaburan diukur pada mulanya pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartaanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Tanah pegangan bebas tidak dikenakan susut nilai.

Kadar susut nilai tahunan bagi bangunan hartaanah pelaburan adalah 2%.

Perbelanjaan berikutan dipermodalkan kepada jumlah dibawa aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada Lembaga dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pemberian dan kos penyelenggaraan dibelanjakan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada hartaanah pelaburan diganti, nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf.

Hartaanah pelaburan tidak dimasukkan sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila hartaanah pelaburan secara tetap daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi atau perkhidmatan potensi masa depan dijangka daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa lebihan atau defisit dimasukkan dalam keuntungan/ (kerugian) bersih. Apabila adanya perubahan pada kegunaan harta tersebut, maka pindahan dibuat kepada/daripada hartaanah pelaburan.

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(e) Pajakan

Pajakan adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajak menyewakan kepada penerima pajak untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

(i) Pajakan Operasi - Lembaga sebagai Pemajak

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajak adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) adalah dicaj kepada lebihan atau defisit pada kadar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(ii) Pajakan Operasi – Lembaga sebagai Pemberi Pemajak

Apabila aset dipajak di bawah pajakan operasi, aset yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada jenis aset. Pajakan pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

(f) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

(i) Penjejasan Aset Janaan Tunai

Pada setiap tarikh pelaporan, Lembaga menilai sama ada terdapat petunjuk bahawa terdapat penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian penjejasan tahunan bagi aset diperlukan, Lembaga menganggarkan amaun boleh pulih aset. Jumlah boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya dan ditentukan untuk aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset atau aset lain Lembaga.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Kerugian operasi berterusan, diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam kategori tersebut penjejasan di mana belanja tersebut konsisten dengan sifat aset terjejas.

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(f) Penjejasan Aset Bukan Kewangan...sambungan

(i) Penjejasan Aset Janaan Tunai...sambungan

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Lembaga menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

(ii) Kemerosotan Nilai Aset Yang Menjana Bukan Tunai

Lembaga menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa janaan aset bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian kemerosotan tahunan bagi aset diperlukan, Lembaga menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama menjana aset bukan tunai ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Dalam menilai nilai yang digunakan, Lembaga telah menerima pakai pendekatan susutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa potensi baki kos penggantian perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian susutnilai. Kos penggantian susutnilai diukur sebagai pengeluaran semula atau penggantian kos aset, yang mana lebih rendah, susutnilai terkumpul dikira berdasarkan kos, untuk mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(f) Penjejasan Aset Bukan Kewangan...sambungan

(ii) Kemerosotan Nilai Aset Yang Menjana Bukan Tunai...sambungan

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, harga aset dalam satu perjanjian yang mengikat dalam urusniaga tulus, diselaraskan untuk kos tambahan yang akan dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset tersebut. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran aktif, nilai saksama tolak kos jualan adalah persamaan harta pasaran ditolak kos pelupusan. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah atau adanya pasaran aktif untuk aset tersebut, Lembaga menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang ada.

